



KENYATAAN MEDIA

KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

PANGGILAN PALSU YANG MELIBATKAN

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

24 SEPTEMBER 2018

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menasihatkan orang ramai agar berhati-hati dan tidak terpedaya sekiranya menerima panggilan telefon meragukan yang mendakwa daripada fasiliti KKM bertujuan untuk mendapatkan maklumat peribadi.

Berdasarkan aduan yang diterima kebelakangan ini, panggilan palsu tersebut adalah berkaitan dengan urusan permohonan ubat-ubatan dan pengesahan tarikh temu janji pemeriksaan susulan daripada Klinik/Hospital KKM.

Sehubungan itu, orang ramai yang menerima panggilan meragukan ini dinasihatkan agar tidak memberi sebarang maklumat peribadi dan membuat laporan polis. Sebarang pertanyaan atau aduan boleh dikemukakan ke emel pro.kkm@moh.gov.my juga.

**DATO' SERI DR. CHEN CHAW MIN
KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

24 SEPTEMBER 2018